

FAQ SERUAN ISTITO'AH - PELAN PERSEDIAAN HAJI

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah itu Seruan Istito'ah?	Seruan Istito'ah diperkenalkan sebagai Pelan Persediaan Haji untuk membantu pendeposit membuat persediaan menunaikan haji dengan lebih mudah, ringkas dan lancar. Melalui pelan ini, TH memperkenalkan Kelayakan Giliran Haji Automatik , syarat simpanan minimum RM15,000 serta Tabung Istito'ah bagi membantu pendeposit membina simpanan haji secara lebih terancang dan berdisiplin.
2.	Apakah itu Kelayakan Giliran Haji Automatik?	Kelayakan giliran haji yang diberikan secara automatik apabila pendeposit mencapai simpanan minimum RM15,000 di TH dan tanpa perlu membuat pendaftaran haji secara manual.
3.	Adakah masih wujud pendaftaran haji secara manual?	Tidak. Semua kaedah pendaftaran haji secara manual melalui kaunter cawangan TH , Bank-bank Rakan Strategik TH , THiJARi dan skim pendaftaran haji KWSP akan digantikan dengan sistem Kelayakan Giliran Haji Automatik .
4.	Adakah sistem ini memotong giliran pendeposit lama yang mendaftar lebih awal?	Tidak. TH masih mengekalkan konsep " yang dahulu didahulukan " berdasarkan tarikh dan masa pendaftaran haji, tertakluk kepada pematuhan syarat simpanan minimum RM15,000 di akaun TH .
5.	Mengapa RM15,000 ditetapkan untuk mendapatkan Kelayakan Giliran Haji?	RM15,000 ditetapkan untuk mengukur tahap kesiapsiagaan simpanan pendeposit dalam mencapai istito'ah kewangan bagi menunaikan haji. Jumlah ini juga adalah kadar asas Bayaran Haji tahun semasa bagi kumpulan B40. Langkah ini juga mengiktiraf usaha pendeposit yang membuat persediaan secara konsisten.
6.	Apakah itu Multi Tabung?	Multi Tabung ialah inisiatif TH mewujudkan dua (2) tabung iaitu Tabung Am dan Tabung Istito'ah dalam satu akaun pendeposit TH bagi memenuhi pelbagai tujuan dan matlamat simpanan yang berbeza.

7.	Apakah Tabung tersebut?	Tabung Am ialah tabung untuk transaksi simpanan dan pengeluaran bagi memenuhi keperluan kewangan harian pendeposit seperti biasa. Tabung Istito'ah ialah tabung untuk membantu pendeposit membentuk disiplin simpanan dan penanda aras kesiapsiagaan kewangan bagi mendapatkan Kelayakan Giliran Haji Automatik.
8.	Adakah nombor akaun Tabung Am dan Tabung Istito'ah berbeza?	Akaun TH adalah satu sahaja bagi setiap pendeposit. Tiada perubahan nombor akaun atau nombor khas baharu untuk Tabung Am dan Tabung Istito'ah.
9.	Adakah semua pendeposit TH akan mempunyai 2 tabung secara automatik?	Ya . Semua pendeposit TH termasuk pemegang akaun dewasa dan akaun kanak-kanak akan mempunyai dua (2) tabung secara automatik .
10.	Apakah ciri-ciri Tabung Am?	Ciri-ciri Tabung Am adalah seperti berikut: 1. Merupakan tabung utama bagi semua pendeposit TH. 2. Menyokong semua aktiviti simpanan dan pengeluaran seperti sedia ada. 3. Perlu mengekalkan sekurang-kurangnya RM5.00 pada setiap masa.
11.	Apakah ciri-ciri Tabung Istito'ah?	Bagi pendeposit yang BELUM menunaikan haji: 1. Merupakan tabung yang membantu pendeposit membuat simpanan secara berdisiplin bagi memperoleh Kelayakan Giliran Haji Automatik. 2. Simpanan ke Tabung Istito'ah hanya boleh dilakukan melalui pindahan dari Tabung Am sama ada melalui kaunter TH atau THiJARI. 3. Pindahan dari Tabung Istito'ah ke Tabung Am tertakluk kepada tempoh T+10 hari (tarikh kalendar termasuk hari cuti) dan boleh dilakukan melalui kaunter TH atau THiJARI. Bagi pendeposit yang TELAH menunaikan haji: 1. Boleh digunakan untuk mencapai pelbagai matlamat kewangan seperti simpanan pendidikan, perkahwinan, kecemasan dan persaraan.

		2. Menggalakkan amalan simpanan yang lebih terancang, konsisten dan berdisiplin untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. 3. Simpanan ke Tabung Istito'ah hanya boleh dilakukan melalui pindahan dari Tabung Am. 4. Pindahan dari Tabung Istito'ah ke Tabung Am tertakluk kepada tempoh T+10 hari (tarikh kalendar termasuk hari cuti) dan boleh dilakukan melalui kaunter TH atau THiJARI.
12.	Bagaimanakah Tabung Am dan Tabung Istito'ah secara asasnya berfungsi?	Tabung Am dan Tabung Istito'ah berfungsi seperti berikut: 1. Semua transaksi simpanan seperti simpanan tunai, potongan gaji dan Direct Debit akan dikreditkan ke Tabung Am. 2. Simpanan ke Tabung Istito'ah hanya boleh dibuat melalui pindahan dari Tabung Am sahaja sama ada melalui kaunter TH atau THiJARI. 3. Pendeposit boleh memindahkan simpanan secara sukarela tanpa had amaun dari Tabung Am ke Tabung Istito'ah bagi tujuan simpanan haji atau matlamat kewangan yang lain. 4. Pengeluaran daripada Tabung Am boleh dibuat serta-merta. 5. Pengeluaran daripada Tabung Istito'ah perlu dipindahkan terlebih dahulu ke Tabung Am dan tertakluk kepada tempoh T+10 hari. 6. Bagi pendeposit yang telah mencapai simpanan minimum RM15,000, TH akan melaksanakan pindahan automatik sehingga RM14,995 dari Tabung Am ke Tabung Istito'ah bagi tujuan mendapat Kelayakan Giliran Haji Automatik seperti syarat yang ditetapkan TH.
13.	Mengapa Multi Tabung ini diperkenalkan?	Multi Tabung ini diperkenalkan untuk menggalakkan pendeposit: 1. Membuat persediaan simpanan haji dengan lebih mudah dan sistematik; 2. Mengamalkan simpanan yang lebih berdisiplin dan berorientasikan matlamat; 3. Mengasingkan simpanan mengikut tujuan dan keperluan; dan

		4. Memperkukuhkan prinsip istito'ah atau kemampuan kewangan dalam melaksanakan ibadah haji .
14.	Adakah selepas ini bermaksud pengeluaran akan menjadi lebih sukar dengan pelaksanaan multi tabung ini?	Pelaksanaan Multi Tabung akan membantu pendeposit untuk menguruskan simpanan dengan lebih teratur dan menggalakkan perancangan kewangan yang lebih berdisiplin bagi mencapai matlamat simpanan yang diinginkan.
15.	Saya telah menunaikan haji, apakah kelebihan Tabung Istito'ah ini?	Tabung Istito'ah bukan hanya untuk tujuan simpanan haji, malah boleh digunakan bagi tujuan simpanan lain seperti pendidikan, kecemasan, persaraan dan matlamat kewangan yang lain secara berdisiplin. Tempoh pengeluaran T+10 hari membantu pendeposit mengamalkan disiplin simpanan bagi mencapai pelbagai matlamat kewangan yang diinginkan.
16.	Bagaimanakah pelaksanaan multi tabung ini kepada pendeposit sedia ada?	<u>Kumpulan 1 (BH1) - Telah mendaftar haji:</u> 1. TH akan memindahkan sebanyak RM1,300 ke Tabung Istito'ah dan jumlah tersebut perlu dikekalkan di Tabung Istito'ah. 2. Pendeposit perlu mencukupkan simpanan sekurang-kurangnya RM15,000 di akaun TH selewat-lewatnya pada 31 Disember 2028 bagi mengekalkan kelayakan giliran haji. <u>Kumpulan 2 (BH2) - Telah mendaftar haji melalui EPF</u> 1. TH akan memindahkan sebanyak RM5 dari Tabung Am ke Tabung Istito'ah dan jumlah tersebut perlu dikekalkan di Tabung Istito'ah. 2. Pendeposit perlu mencukupkan simpanan sekurang-kurangnya RM15,000 di akaun TH selewat-lewatnya pada 31 Disember 2028 bagi mengekalkan kelayakan giliran haji. <u>Kumpulan 3 (BH3) – Belum mendaftar haji, baki simpanan RM15,000 dan ke atas</u> 1. Pendeposit sedia ada yang tiada pendaftaran haji tetapi mempunyai simpanan RM15,000 dan ke atas akan menerima notifikasi emel daripada TH memaklumkan simpanan telah

		mencukupi dan akan diberikan Kelayakan Giliran Haji Automatik. 2. Pendeposit perlu mengekalkan baki minimum RM15,000 pada setiap masa dalam tempoh 1 bulan dari tarikh notifikasi. 3. TH akan memindahkan RM14,995 ke Tabung Istito'ah. 4. Pendeposit perlu mengekalkan simpanan minimum RM15,000 di akaun TH pada setiap masa untuk terus berada dalam giliran haji. <u>Kumpulan 4 (BH4) – Belum mendaftar haji, baki simpanan kurang RM15,000</u> 1. Pendeposit belum mencapai jumlah simpanan minimum RM15,000 untuk menerima Kelayakan Giliran Haji Automatik. 2. Sekiranya baki keseluruhan simpanan di akaun TH mencapai RM15,000, pendeposit akan menerima emel daripada TH memaklumkan simpanan telah mencukupi dan perlu mengekalkan baki minimum RM15,000 pada setiap masa dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notifikasi. 3. TH akan memindahkan RM14,995 ke Tabung Istito'ah. 4. Merit kelayakan giliran haji adalah berdasarkan tarikh pendeposit mencapai RM15,000 dalam akaun TH. 5. Pendeposit perlu mengekalkan simpanan minimum RM15,000 di akaun TH pada setiap masa untuk terus berada dalam giliran haji. <u>Kumpulan 5 (Alumni Haji) - Telah menunaikan haji</u> Pendeposit boleh membuat tambahan simpanan ke Tabung Istito'ah secara sukarela dengan memindahkan simpanan dari Tabung Am ke Tabung Istito'ah melalui THiJARI atau hadir ke kaunter cawangan TH bagi tujuan atau matlamat khusus. Pendeposit tidak layak untuk mendapat giliran haji walaupun baki simpanan mencukupi RM15,000.
17.	Adakah ini bermakna saya tidak boleh	Pendeposit masih boleh menggunakan simpanan di Tabung Istito'ah dengan membuat permohonan

	menggunakan simpanan saya di Tabung Istito'ah?	pindahan ke Tabung Am yang tertakluk kepada tempoh T+10 hari. Permohonan melalui kaunter TH adalah bagi pendeposit yang pengeluarannya menyebabkan baki Tabung Istito'ah berkurangan daripada RM14,995 dan mengakibatkan kehilangan kelayakan giliran haji. Permohonan melalui THiJARI pula adalah bagi pendeposit: 1. Yang masih mempunyai baki melebihi RM14,995 di Tabung Istito'ah selepas pengeluaran; atau 2. Yang belum mempunyai kelayakan giliran haji kerana baki Tabung Istito'ah kurang daripada RM14,995.
18.	Adakah pendeposit boleh membuat permohonan untuk tidak menerima Kelayakan Giliran Haji Automatik walaupun baki simpanan Tabung Istito'ah melebihi RM15,000?	Boleh, pendeposit perlu membuat permohonan Opt Out di kaunter cawangan TH. Jumlah simpanan di Tabung Istito'ah kekal tanpa amaun perlu dikekalkan dan permohonan pindahan dari Tabung Istito'ah ke Tabung Am masih tertakluk kepada T+10 hari.
19.	Saya tidak berminat untuk mendapat Kelayakan Giliran Haji secara automatik tetapi ingin terus menyimpan di TH. Apa yang perlu saya lakukan?	Pendeposit perlu hadir dan membuat permohonan di kaunter TH untuk dikeluarkan (Opt Out) daripada sistem Kelayakan Giliran Haji Automatik .
20.	Pohon jelaskan proses Opt Out dan Opt In.	Opt Out ialah permohonan untuk menghentikan proses mendapatkan Kelayakan Giliran Haji Automatik walaupun simpanan mencapai RM15,000 di akaun TH. Permohonan ini hanya boleh dibuat di kaunter TH sahaja. Untuk mendapatkan semula Kelayakan Giliran Haji Automatik, pendeposit perlu membuat permohonan Opt In semula. Opt In ialah permohonan untuk

		mendapatkan semula Kelayakan Giliran Haji Automatik. Permohonan ini boleh dibuat melalui kaunter TH atau THiJARI .
21.	Saya telah membuat Opt Out dan ingin mendapatkan Kelayakan Giliran Haji Automatik semula. Apa yang perlu saya lakukan?	Pendeposit boleh membuat permohonan untuk mendapatkan semula Kelayakan Giliran Haji Automatik (Opt In) melalui kaunter TH atau THiJARI .
22.	Apakah akan berlaku selepas 31 Disember 2028?	Mulai 1 Januari 2029, kelayakan giliran haji akan disusun semula dengan pematuhan syarat simpanan minimum RM15,000 dalam akaun TH. Pendeposit yang mengekalkan RM15,000 dalam akaun TH berpeluang untuk mendapatkan kelayakan giliran haji lebih awal menggantikan pendeposit yang tidak mencapai RM15,000 dalam tempoh sehingga 31 Disember 2028. Pendeposit boleh membuat semakan melalui THiJARI.
23.	Apakah maksud baki keseluruhan dan baki tersedia (available balance)?	Baki keseluruhan bermaksud jumlah keseluruhan simpanan (Tabung Am + Tabung Istito'ah) pendeposit di akaun TH. Baki tersedia (available balance) pula bermaksud jumlah simpanan di Tabung Am yang boleh dikeluarkan/dipindahkan setelah ditolak semua amaun yang perlu dikekalkan. Pendeposit boleh menyemak baki tersedia (available balance) melalui THiJARI atau di kaunter TH. Paparan di ATM dan Internet Banking Rakan Strategik TH hanya menunjukkan baki keseluruhan simpanan dan bukannya baki tersedia (available balance).
24.	Adakah terdapat sebarang caj untuk pemindahan dari Tabung Am ke Tabung Istito'ah atau sebaliknya?	Tiada caj. TH tidak mengenakan sebarang caj bagi urusan pindahan antara Tabung Am dan Tabung Istito'ah.

25.	Adakah terdapat had pengeluaran maksimum untuk Tabung Am selepas pelaksanaan Multi Tabung?	Tidak. Had pengeluaran maksimum melalui saluran sedia ada kekalkan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh TH .
26.	Adakah terdapat kesan ke atas kiraan zakat akibat wujudnya Tabung Am & Tabung Istito'ah?	Tidak. Kiraan zakat adalah sama mengikut polisi TH sedia ada.
27.	Tempoh pindahan amaun dari Tabung Istito'ah ke Tabung Am adalah T+10 hari. Adakah tempoh tersebut dikira berdasarkan hari bekerja (mengikut kalendar Wilayah Persekutuan) iaitu tidak termasuk hari minggu dan cuti umum?	Pindahan wang dari Tabung Istito'ah ke Tabung Am adalah T+10 hari mengikut tarikh kalendar termasuk hari cuti umum.
28.	Saya baru membuka akaun TH, bolehkah saya terus membuat pindahan ke Tabung Istito'ah bagi melayakkan giliran haji?	Boleh membuat pindahan RM14,995 ke Tabung Istito'ah melalui THiJARI dan akan mendapat Kelayakan Giliran Haji Automatik pada hari berikutnya .
29.	Adakah transaksi pindahan boleh dilaksanakan dari akaun pendeposit kepada akaun anak bawah jagaan atau akaun pihak ketiga atau sebaliknya?	Boleh. Transaksi pindahan tersebut boleh dilakukan dari Tabung Am sahaja .

30.	Adakah mempunyai had bilangan transaksi bagi pindahan dari Tabung Istito'ah ke Tabung Am? Contohnya, sebulan 3 kali sahaja atau lain-lain.	Tiada had bilangan transaksi.
31.	Berapakah amaun maksimum simpanan dalam Tabung Istito'ah?	Tiada had simpanan dalam Tabung Istito'ah.
32.	Bagaimana kiraan Agihan Keuntungan dilaksanakan apabila Multi Tabung ini diperkenalkan dan adakah berbeza antara Tabung Am dan Tabung Istito'ah?	Kiraan Agihan Keuntungan masih sama seperti sedia ada berdasarkan purata baki simpanan terendah setiap bulan sepanjang tahun kewangan (Januari hingga Disember), didarabkan dengan kadar peratusan yang diumumkan. Agihan Keuntungan akan dikreditkan kedua-dua tabung mengikut peratus baki simpanan pada 31 Disember tahun kewangan. <u>Contoh baki pada 31 Disember:</u> Sekiranya jumlah Agihan Keuntungan yang diterima adalah RM1,000 dan peratus simpanan pada 31 Disember tahun kewangan di Tabung Am 30% dan di Tabung Istito'ah 70%, Agihan Keuntungan yang akan dikreditkan ke Tabung Am adalah sebanyak RM300 dan Tabung Istito'ah sebanyak RM700.
33.	Adakah setiap tabung mempunyai penama yang berbeza?	Tidak. Penama pada setiap akaun bergantung kepada penama yang telah didaftarkan bagi akaun TH tersebut.
34.	Adakah Pendaftaran Hibah Amanah terpakai kepada Tabung Am sahaja atau kedua-dua tabung?	Pendaftaran Hibah Amanah terpakai kepada kedua-dua tabung berdasarkan rekod penama Hibah Amanah bagi akaun TH tersebut.